

**INTERNATIONAL JOURNAL OF
ENTREPRENEURSHIP AND
MANAGEMENT PRACTICES
(IJEMP)**www.ijemp.com**UJIAN KESAHAN DAN KEBOLEHPERCAYAAN FAKTOR-
FAKTOR YANG MEMPENGARUHI BUDAYA KEUSAHAWANAN
DALAM KALANGAN BELIA ASNAF DI PERLIS
MENGUNAKAN SPSS***VALIDITY AND RELIABILITY TEST OF THE FACTORS INFLUENCING
ENTREPRENEURIAL CULTURE AMONG ASNAF YOUTH IN PERLIS USING
SPSS*

Mohd Khairulnizam Zahari^{1*}, Wan Norsyafawati W. Muhamad Radzi¹, Ummy Naiemah Saraih¹,
Najuwa Mohd Nasir¹, Suraiya Ibrahim¹

¹ Faculty of Business & Communication, Universiti Malaysia Perlis, Malaysia

Email: nizamzahari@unimap.edu.my, norsyafawati@unimap.edu.my, ummi@unimap.edu.my,
najuwa@unimap.edu.my, suraiya@unimap.edu.my

* Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 24.06.2025

Revised date: 17.07.2025

Accepted date: 12.08.2025

Published date: 01.09.2025

To cite this document:

Zahari, M. K., Radzi, W. N. W. M., Saraih, U. N., Nasir, N. M., & Ibrahim, S. (2025). Ujian Kesahan Dan Kebolehppercayaan Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Budaya Keusahawanan Dalam Kalangan Belia Asnaf Di Perlis Menggunakan SPSS. *International Journal of Entrepreneurship and Management Practices*, 8 (31), 14-21.

DOI: 10.35631/IJEMP.831002

Abstrak:

Kajian ini bertujuan untuk menguji nilai kesahan dan kebolehppercayaan faktor-faktor yang mempengaruhi budaya keusahawanan di kalangan belia asnaf di Perlis. Kajian ini memberi tumpuan kepada tiga pemboleh ubah bebas, iaitu sikap keusahawanan, kemahiran keusahawanan, dan pendidikan keusahawanan, dalam membentuk budaya keusahawanan sebagai pemboleh ubah bersandar. Skop kajian melibatkan belia asnaf di negeri Perlis, yang merupakan kumpulan sasaran penting dalam usaha meningkatkan kesejahteraan sosioekonomi melalui bidang keusahawanan. Kaedah kuantitatif digunakan untuk mengumpul data daripada responden. Dalam kertas kajian ini, perisian SPSS digunakan untuk menguji kesahan dan kebolehppercayaan faktor-faktor yang mempengaruhi budaya keusahawanan dalam kalangan belia asnaf di Perlis. Semua nilai bagi ujian kesahan dan kebolehppercayaan adalah signifikan dan boleh diterima.

Kata Kunci:

Budaya Keusahawanan, Belia Asnaf, Keusahawanan

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)**Abstract:**

This study aims to examine the validity and reliability of the factors influencing entrepreneurial culture among *asnaf* youth in Perlis. It focuses on three independent variables—entrepreneurial attitude, entrepreneurial skills, and entrepreneurship education—in shaping entrepreneurial culture as the dependent variable. The scope of the study involves *asnaf* youth in the state of Perlis, who represent a key target group in efforts to enhance socioeconomic well-being through entrepreneurship. A quantitative approach was used to collect data from respondents. SPSS software was employed to test the validity and reliability of the factors influencing entrepreneurial culture among *asnaf* youth in Perlis. All values obtained from the validity and reliability tests were significant and acceptable.

Keywords:

Entrepreneurial Culture, Asnaf Youth, Entrepreneurship

Pendahuluan

Keusahawanan telah lama diiktiraf sebagai salah satu kaedah yang berkesan untuk meningkatkan status sosioekonomi individu dan masyarakat. Dalam konteks Malaysia, keusahawanan bukan sahaja menjadi alat untuk mengurangkan kemiskinan, tetapi juga medium untuk memberdayakan kumpulan marjinal seperti *asnaf* (Mahmood et al., 2020). Kumpulan *asnaf*, yang terdiri daripada individu yang memerlukan bantuan ekonomi dan sosial, sering menghadapi pelbagai cabaran dalam usaha untuk meningkatkan taraf hidup mereka. Belia *asnaf*, khususnya, merupakan kumpulan yang penting kerana mereka berpotensi untuk membawa perubahan positif kepada keluarga dan komuniti mereka melalui keusahawanan (Bin Ahmad Shiyuti et al., 2021). Namun, kejayaan dalam keusahawanan bergantung kepada beberapa faktor utama seperti kemahiran, sikap, dan pendidikan keusahawanan. Faktor-faktor ini memainkan peranan penting dalam membentuk budaya keusahawanan, iaitu satu sistem nilai dan amalan yang mendorong inovasi, risiko, dan pencapaian kejayaan dalam perniagaan. Perlis merupakan sebuah negeri dengan populasi yang kecil tetapi mempunyai komuniti *asnaf* yang ketara. Pembentukan budaya keusahawanan di kalangan belia *asnaf* adalah penting untuk meningkatkan status sosioekonomi mereka. Tujuan kajian adalah untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan faktor-faktor yang mempengaruhi budaya keusahawanan di kalangan *asnaf* di Perlis menggunakan SPSS.

Sorotan Literatur

Dalam kajian ini terdapat tiga pembolehubah bebas iaitu kemahiran keusahawanan, sikap keusahawanan dan pendidikan keusahawanan, dan juga satu pembolehubah bersandar iaitu budaya keusahawanan.

Kemahiran Keusahawanan

Dalam era globalisasi dan persaingan ekonomi yang semakin sengit, kemahiran keusahawanan telah dikenalpasti sebagai elemen penting dalam merangsang pembangunan ekonomi secara inklusif (Razuan et al., 2019). Penguasaan kemahiran ini bukan sahaja meningkatkan daya saing individu tetapi juga membolehkan mereka mengadaptasi inovasi serta strategi perniagaan yang relevan dalam menghadapi cabaran pasaran (Alsafadi & Aljuhmani, 2023). Kajian terkini menunjukkan bahawa pendekatan keusahawanan yang holistik dapat membuka peluang

ekonomi yang lebih luas kepada kumpulan masyarakat yang kurang bernasib baik, termasuk kalangan asnaf (Arif, 2021). Pengintegrasian kemahiran keusahawanan dalam sistem pendidikan dan latihan telah menjadi fokus utama dalam usaha meningkatkan kualiti sumber manusia (Firmansyah et al., 2022). Latihan intensif dan sokongan berterusan dalam bidang ini dapat membantu individu bukan sahaja dalam memulakan perniagaan tetapi juga dalam menguruskan perniagaan tersebut secara efektif dalam persekitaran yang tidak menentu.

Sikap Keusahawanan

Sikap keusahawanan merujuk kepada ciri-ciri seperti inovasi, keberanian mengambil risiko, dan daya tahan yang tinggi dalam menghadapi cabaran perniagaan (Chen & Wan, 2023). Dalam konteks asnaf, sikap ini menjadi elemen penting dalam usaha meningkatkan taraf ekonomi mereka dan mengurangkan kebergantungan kepada bantuan zakat (Amirah Abas & Faizal P. Rameli, 2023). Kajian menunjukkan bahawa sikap positif terhadap keusahawanan memainkan peranan besar dalam meningkatkan kebolehpasaran dan keberdayaan ekonomi golongan asnaf (Hamid et al., 2024). Keusahawanan dalam kalangan asnaf bukan sahaja membantu meningkatkan pendapatan tetapi juga memberi mereka autonomi ekonomi. Kajian mendapati bahawa dengan bimbingan dan latihan keusahawanan yang berkesan, asnaf dapat membina perniagaan kecil yang berdaya saing dan lestari (Mahmood et al., 2020). Faktor seperti pendidikan keusahawanan, bimbingan mentor, dan akses kepada modal memainkan peranan penting dalam membentuk sikap positif terhadap perniagaan dalam kalangan mereka.

Pendidikan Keusahawanan

Pendidikan keusahawanan memainkan peranan penting dalam membangunkan potensi ekonomi asnaf, yang sering kali bergantung kepada bantuan zakat untuk keperluan asas mereka. Melalui latihan dan bimbingan keusahawanan, asnaf dapat memperoleh kemahiran perniagaan yang membolehkan mereka menjadi lebih berdikari dan berdaya saing dalam pasaran. Kajian oleh Laipat & Othman, (2021) menunjukkan bahawa faktor utama kejayaan usahawan asnaf termasuklah rekod kewangan yang baik, strategi pemasaran yang berkesan, serta penggunaan platform dalam talian untuk mengembangkan perniagaan. Oleh itu, pendidikan keusahawanan yang memberi fokus kepada kemahiran teknikal dan digital menjadi semakin penting dalam era moden.

Selain itu, kajian mendapati bahawa program pendidikan keusahawanan yang berstruktur dapat membantu meningkatkan daya tahan dan daya saing usahawan asnaf. Joremi et al., (2023) mendapati bahawa ketakutan untuk gagal, kurangnya kemahiran teknologi, dan sokongan keluarga yang terhad merupakan cabaran utama yang dihadapi oleh asnaf dalam keusahawanan. Ini menunjukkan bahawa program pendidikan keusahawanan perlu merangkumi elemen motivasi dan pembangunan psikologi bagi meningkatkan daya ketahanan asnaf dalam menghadapi cabaran perniagaan (Sun et al., 2023).

Budaya Keusahawanan

Budaya keusahawanan merujuk kepada sistem nilai, sikap, dan amalan yang mendorong individu untuk melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan (Mohd Zaini Zainuddin, 2016). Dalam konteks belia asnaf, budaya ini memainkan peranan penting dalam membantu mereka mengatasi cabaran ekonomi dan sosial yang sering dihadapi akibat keterbatasan sumber dan peluang pendidikan. Belia asnaf, sebagai kumpulan yang berpotensi untuk menjadi agen perubahan dalam komuniti mereka, boleh memanfaatkan budaya keusahawanan sebagai medium untuk meningkatkan taraf hidup mereka dan keluarga (Laipat & Othman, 2021).

Namun, pembentukan budaya keusahawanan dalam kalangan belia asnaf bergantung kepada beberapa faktor utama seperti kemahiran keusahawanan, sikap positif terhadap risiko dan inovasi, serta sokongan dari institusi seperti agensi zakat, kerajaan, dan komuniti setempat. Kemahiran seperti pengurusan kewangan, pemasaran, dan inovasi adalah asas kepada kejayaan usahawan. Di samping itu, sikap proaktif, ketabahan, dan keyakinan diri juga memainkan peranan penting dalam mendorong mereka untuk mencuba bidang keusahawanan walaupun berdepan dengan kegagalan (Amaran et al., 2014).

Methodologi Kajian

Tujuan kajian adalah untuk mengesan kelemahan dalam pengoperasian pembolehubah dan dimensi dalam penyelidikan. Pada mulanya, kajian dijalankan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan tinjauan. Pengkaji mengumpul maklumat daripada responden untuk menambah baik format instrumen. Justeru, kajian ini menunjukkan dapatan kesahan dan kebolehpercayaan berhubung faktor-faktor yang mempengaruhi budaya keusahawanan dalam kalangan asnaf di Perlis. Sebanyak 150 kaji selidik diedarkan melalui pos dan e-mel seperti yang diminta oleh responden. Responden terdiri daripada golongan asnaf muda di Perlis. Terdapat 4 bahagian di dalam borang soal selidik tersebut. Data dianalisis menggunakan SPSS.

Keputusan

Kesahan Kandungan (Content Validity)

Untuk mempunyai kesahan yang kuat, kesemua soalan dalam soal selidik telah diambil daripada kajian terdahulu. Sekaran & Bougie, (2016) menekankan bahawa kesahan kandungan menandakan soalan benar-benar mengukur sesuatu konsep kajian. Kesahan kandungan adalah tentang seberapa baik dimensi sesuatu konsep telah digariskan (Hair, 2009). Pengkaji merujuk kepada pakar kaedah penyelidikan untuk menilai kesesuaian item untuk tujuan penyelidikan. Tambahan pula, kesahan kandungan telah diwujudkan melalui kajian literatur yang sistematik dan asas teori. Pendapat dan cadangan pakar membantu pengkaji untuk menambah baik instrumen yang digunakan untuk ujian rintis (Louangrath, 2018). Dalam kajian ini, kesahan kandungan telah dilakukan dengan mendapatkan pengesahan daripada dua orang pakar dalam bidang akademik. Pembetulan telah dibuat berdasarkan komen daripada mereka.

Ujian Kenormalan (Normality Test)

Untuk sebarang analisis statistik, ujian untuk kenormalan sangat penting dalam menentukan sama ada set data telah dimodelkan dengan baik oleh taburan normal. Menurut Frederick & Wallnau, (2015) taburan normal dicirikan oleh lengkungan berbentuk loceng yang simetri di mana kepadatan skor yang paling tinggi berada di tengah-tengah dan kepekatan itu beransur-ansur menurun ke kiri dan ke kanan. Untuk data bertaburan normal, kurtosis dan kecondongan hendaklah berada pada nilai -2 dan +2 (Hair et al., 2019).

Jadual 1 menunjukkan bahawa kurtosis dan pencongan bagi majoriti penunjuk berada dalam julat yang boleh diterima iaitu -2 hingga +2. Seperti yang dinyatakan oleh Pallant, (2020), data tidak diedarkan secara normal apabila statistik kurtosis dan pencongan melebihi nilai z iaitu $-/+2.58$.

Jadual 1: Keputusan Ujian Kenormalan

Items	Skewness	Skewness Standard Error	Kurtosis	Kurtosis Standard Error
KKW1	-0.098	0.241	-0.783	0.478
KKW2	-0.523	0.241	-0.200	0.478
KKW3	-0.190	0.241	-0.708	0.478
KKW4	-0.335	0.241	-0.706	0.478
KKW5	-0.206	0.241	-0.449	0.478
SKW1	-0.462	0.241	-0.664	0.478
SKW2	-1.289	0.241	1.899	0.478
SKW3	-1.447	0.241	1.956	0.478
SKW4	-1.316	0.241	1.685	0.478
SKW5	-1.034	0.241	0.839	0.478
KMP1	-0.980	0.241	-0.783	0.478
KMP2	-0.523	0.241	-0.200	0.478
KMP3	-0.190	0.241	-0.708	0.478
KMP4	-0.335	0.241	-0.704	0.478
KMP5	-0.206	0.241	0.241	0.478
BKN1	-0.761	0.241	-0.112	0.478
BKN2	-0.708	0.241	-0.425	0.478
BKN3	-0.760	0.241	0.054	0.478
BKN4	-0.760	0.241	0.217	0.478
BKN5	-0.852	0.241	0.819	0.478
BKN6	-0.721	0.241	-0.735	0.478

Kesahan Konstruk (Construct Validity)

Semua kesahan bagi pembolehubah ditentukan melalui analisis faktor penerokaan (EFA) dengan putaran Varimax. Ujian Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) dan Ujian Bartlett menentukan kecukupan pensampelan (Stephanie et al., 2016). Sampel adalah mencukupi kerana nilai KMO melebihi 0.7 dan ujian Bartlett adalah ketara. Untuk mengkaji faktor strategik dan skala prestasi organisasi, analisis komponen utama (PCA) digunakan untuk 21 item dan menghasilkan pengekstrakan komponen lebih besar daripada 0.5. Semua item telah dimuatkan lebih daripada 0.750 yang dianggap sebagai faktor pemuatan yang boleh diterima dengan dan minimum tahap yang dicadangkan 0.5 (Hair, 2009). Oleh itu, tiada item dipadamkan. Dapatan menunjukkan kecukupan persampelan dan faktor model adalah sesuai seperti dalam Jadual 2.

Analisis Kebolehpercayaan (Reliability Analysis)

Field, (2009) menyatakan bahawa kebolehpercayaan adalah berkenaan dengan ketekalan dalam mengukur apa yang ingin diukur. Oleh itu, pekali alfa digunakan untuk menguji konsistensi dalaman (internal consistency). Nilai kesahan dalam kajian ini menunjukkan semua item mempunyai nilai Cronbach serendah 0.818 hingga setinggi 0.848. Oleh itu, semua item bagi setiap konstruk dalam soal selidik adalah boleh dipercayai. Akibatnya, tidak ada keperluan untuk menghapuskan mana-mana item. Jadual 2 menunjukkan hasil analisis faktor dan kebolehpercayaan kajian.

Jadual 2: Keputusan Analisis Kebolehpercayaan

Pembolehubah	Pemuatan Faktor	KMO	Peratusan Varians	Kesahan
Kemahiran		0.803	58.459	0.818
Keusahawanan				
KKW1	0.775			
KKW2	0.779			
KKW3	0.667			
KKW4	0.688			
KKW5	0.552			
Sikap		0.824	55.257	0.848
Keusahawanan				
SKW1	0.598			
SKW2	0.803			
SKW3	0.831			
SKW4	0.828			
SKW5	0.620			
Pendidikan		0.841	60.817	0.838
Keusahawanan				
KMP1	0.720			
KMP2	0.816			
KMP3	0.771			
KMP4	0.754			
KMP5	0.833			
Budaya		0.808	56.840	0.846
Keusahawanan				
BKN1	0.635			
BKN2	0.721			
BKN3	0.788			
BKN4	0.795			
BKN5	0.638			
BKN6	0.580			

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, kajian ini mengkaji kesahan kandungan untuk menyemak beberapa item dalam instrumen. Dapatan analisis faktor menunjukkan nilai KMO melebihi 0.7 dan ujian Bartlett juga signifikan. Pemuatan faktor melebihi 0.5 untuk semua item. Selain itu, ujian kebolehpercayaan mendedahkan bahawa semua item mempunyai nilai alfa melebihi 0.8. Ujian kenormalan menunjukkan bahawa data adalah normal. Secara ringkasnya, kajian ini menunjukkan instrumen yang digunakan untuk mengukur kesan bersepadu faktor-faktor yang mempengaruhi budaya keusahawanan; kemahiran keusahawanan, sikap keusahawanan dan pendidikan keusahawanan adalah sah dan boleh dipercayai. Justeru, kajian ini mengenal pasti instrumen yang sah dan boleh dipercayai secara empirikal untuk mengukur faktor-faktor yang mempengaruhi budaya keusahawanan yang memudahkan kajian masa depan dalam konteks keusahawanan.

Penghargaan

Penulis ingin merakamkan penghargaan dan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pusat Kecemerlangan Pendidikan Faizuddin (FCoEE) kerana telah memberikan geran bagi membolehkan kajian ini dilaksanakan. Jutaan terima kasih juga kepada Universiti Malaysia Perlis serta rakan-rakan penyelidik yang membantu melaksanakan kajian ini.

Rujukan

- Alsafadi, Y., & Aljuhmani, H. Y. (2023). The influence of entrepreneurial innovations in building competitive advantage: the mediating role of entrepreneurial thinking. *Kybernetes*. <https://doi.org/10.1108/K-11-2022-1540>
- Amaran, M. A., Jani, R., Edman, S., Hamdan, R., & Abdullah Bandar, N. F. (2014). Dimensi Personaliti Terhadap Pembudayaan Keusahawanan Dalam Kalangan Graduan di Malaysia. *Global Business and Economic Transformation: Proceeding of an International Borneo Business Conference, Riverside Majestic Hotel, Kuching, 20th – 21st August 2014*.
- Amirah Abas, S., & Faizal P. Rameli, M. (2023). The Implementation of Asnaf's Economic Empowerment Program (PROPER A) in Perak, Malaysia. *International Journal of Academic Research in Economics and Management Sciences*, 12(3). <https://doi.org/10.6007/ijarems/v12-i3/19136>
- Arif, M. I. A. M. (2021). Model Pembangunan Keusahawanan Asnaf Luar Bandar. *Sains Insani*, 6(3). <https://doi.org/10.33102/sainsinsani.vol6no3.366>
- Bin Ahmad Shiyuti, H., Zainol, F. A., & Muhammad Shahrul Ifwat Ishak. (2021). Conceptualizing Asnaf Entrepreneurship for Zakat Institutions in Malaysia. *The Journal of Management Theory and Practice (JMTP)*, 2(1). <https://doi.org/10.37231/jmtp.2021.2.1.87>
- Chen, W., & Wan, W. (2023). The Relationship Between Entrepreneurial Traits And Organizational Resilience In Dynamic Environment. *The EUrASEANs: Journal on Global Socio-Economic Dynamics*, 5(42). [https://doi.org/10.35678/2539-5645.5\(42\).2023.30-44](https://doi.org/10.35678/2539-5645.5(42).2023.30-44)
- Field, A. (2009). Discovering Statistics Using SPSS. In *Statistics* (Vol. 58).
- Firmansyah, D., Rifa'i, A. A., & Suryana, A. (2022). Human Resources: Skills and Entrepreneurship in Industry 4.0. *Formosa Journal of Applied Sciences*, 1(6). <https://doi.org/10.55927/fjas.v1i6.1899>
- Frederick, G., & Wallnau, L. B. (2015). Essentials of Statistics for the Behavioral Sciences. In *Wadsworth Cengage Learning*.
- Hair, J. F. (2009). Multivariate Data Analysis. In *Prentice Hall*.
- Hair, J. F., Risher, J. J., Sarstedt, M., & Ringle, C. M. (2019). When to use and how to report the results of PLS-SEM. In *European Business Review* (Vol. 31, Issue 1). <https://doi.org/10.1108/EBR-11-2018-0203>
- Hamid, N. A., Ismail, I. S., Yunus, N., Norizan, S., & Palil, M. R. (2024). Insights for growth: Understanding the drivers of ASNAF entrepreneurial success in Malaysia. *Edelweiss Applied Science and Technology*, 8(2). <https://doi.org/10.55214/25768484.v8i2.753>
- Joremi, L., Muda, R., Zain, W. Z. W. M., & Rosli, N. A. (2023). The Challenges of Asnaf Entrepreneurs in Forming Entrepreneurial Resilience. *Information Management and Business Review*, 15(3 (I)), 242–252.
- Laipat, F., & Othman, N. (2021). Hubungan Antara Kemahiran Dengan Budaya Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah (The Relationship Between Skills And Entrepreneurial Culture Among Secondary School Students). *Jurnal Dunia*

Pendidikan, 3(2).

- Louangrath, P. I. (2018). Reliability and Validity of Survey Research. *Inter. J. Res. Methodol. Soc. Sci.*, 4(1).
- Mahmood, T. M. A. T., Mamun, A. Al, & Ibrahim, M. D. (2020). Attitude towards entrepreneurship: a study among Asnaf Millennials in Malaysia. *Asia Pacific Journal of Innovation and Entrepreneurship*, 14(1). <https://doi.org/10.1108/apjie-06-2019-0044>
- Mohd Zaini Zainuddin. (2016). Kecenderungan ke arah meningkatkan budaya keusahawanan di kalangan pelajar politeknik banting selangor. *Konvensyen Pemerkasaan Keusahawanan Politeknik Malaysia 2015*, 1(2015).
- Pallant, J. (2020). Multivariate analysis of variance. In *SPSS Survival Manual*. <https://doi.org/10.4324/9781003117452-26>
- Razuan, Mohd. R., R, Z., M.S, S., & Awang, A. H. (2019). Kualiti keusahawanan dalam kalangan usahawan kecil dan sederhana. *Malaysian Journal of Society and Space*, 15(3). <https://doi.org/10.17576/geo-2019-1503-02>
- Sekaran, U., & Bougie, Roger. (2016). Research methods for business : a skill-building approach / Uma Sekaran and Roger Bougie. In *Nucleic Acids Research*.
- Stephanie, G., Glen, S., & Stephanie Glen. (2016). Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) test for sampling adequacy. *Elementary Statistics for the Rest of Us!*, 0.
- Sun, J., Shi, J., & Zhang, J. (2023). From entrepreneurship education to entrepreneurial intention: Mindset, motivation, and prior exposure. *Frontiers in Psychology*, 14. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2023.954118>